

08/01/2003

PTG Kelantan jangka 54 tahun selesaikan permohonan tanah

Zulkifli Md Ali

KOTA BHARU: Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan, mampu menyelesaikan kira-kira 54,000 permohonan untuk mendapatkan tanah kerajaan di negeri ini dalam tempoh 54 tahun lagi.

Pengarahnya, Abdul Halim Ahmad, berkata jangkauan itu berdasarkan kemampuan menyelesaikan kira-kira 1,000 permohonan setahun dengan tenaga, enam atau tujuh pegawai di setiap jajahan.

Beliau berkata, pengurusan dan pentadbiran tanah adalah perkara sensitif kerana ia membabitkan proses perundangan dan mengambil masa panjang seperti kerja mengukur serta penyediaan dokumen.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya terpaksa menimbang secara teliti setiap permohonan dan paling lama belum diselesaikan ialah pada 1990 sebelum dibawa ke mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) untuk diperakukan.

"Hanya Exco yang berkuasa membuat kelulusan selepas Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan serta Pejabat Tanah dan Galian mengemukakan pendapat bagi permohonan terbabit.

"Ketika ini, setiap pegawai hanya dapat menyelesaikan antara 15 hingga 20 permohonan setahun kerana ia membabitkan kerja mengukur dan ramai pemohon tidak menjelaskan beberapa bayaran yang perlu dilakukan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pada 26 Disember lalu, Datuk Seri Dr Mahathir dipetik berkata, kerajaan memulakan kajian menyeluruh bagi menangani kerenah birokrasi di pejabat tanah seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, kajian itu dilakukan selepas kerajaan menerima aduan orang ramai, seperti masalah kelewatan dalam menguruskan pengeluaran geran.

Sebelum itu, laporan khas Berita Harian menyiarkan mengenai kerenah birokrasi dalam pentadbiran dan urusan pejabat tanah sehingga ada permohonan yang dikemukakan 50 tahun lalu, belum diselesaikan.

Laporan Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri mendapati aduan mengenai pejabat tanah kedua paling tinggi diterima daripada orang ramai terhadap agensi kerajaan, selepas aduan terhadap pihak berkuasa tempatan.

Abdul Halim berkata, pihaknya sudah mengesan masalah itu lebih awal dan sedang merancang menyelesaikan supaya perkara berkenaan tidak tertangguh begitu lama serta ditambah dengan permohonan baru.

Bagi mengatasi masalah itu, katanya, pihaknya menggalakkan pemohon mendapatkan khidmat juru ukur swasta supaya pemprosesan menyukat dapat dipercepatkan.

Beliau berkata, pada masa sama, pihaknya akan mengadakan bengkel pengurusan untuk pegawai Pejabat Tanah dan menubuhkan pasukan petugas khas mengandungi pegawai pelbagai agensi berkaitan yang bertugas dalam satu pusat serenti bagi menyelesaikan sesuatu permohonan.